



# PM imbau nostalgia bergelar mahasiswa undang-undang UM

Oleh [Zanariah Abd Mutualib](#) dan [Muhammad Yusri Muzamir](#) - Jun 17, 2022 @ 5:05pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini, mengimbau kenangan beliau bergelar mahasiswa Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM) ketika hadir ke institusi pengajian tinggi berkenaan.

Perdana Menteri ketika merasmikan Perayaan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang UM berkata, beliau adalah antara mahasiswa undang-undang daripada kohort kesembilan yang menjelak kaki ke UM, pada 1980.

Menyingkap kenangan itu, beliau kemudian menjadi pengamal undang-undang serta bertugas sebagai peguamcara dan peguambela di Mahkamah Tinggi Malaya.

Selain itu, katanya, Fakulti Undang-Undang UM julung kali menerima pelajar dengan matlamat membina negara melalui profesion undang-undang yang dididik dalam negara, pada September 1972.

"Ini adalah kenangan tidak dapat saya lupakan. Saya dapat melihat rakan seangkatan turut hadir pada petang ini. Pengalaman menjadi sebahagian daripada fakulti ini, adalah detik manis buat kita semua.

"Saya masih ingat, mahasiswa fakulti undang-undang ketika itu mewakili pelbagai latar belakang, demografi dari kampung dan bandar, daripada taraf ekonomi yang berbeza-beza menimba ilmu di bawah satu bumbung.

"Hari ini, kita dapat menyaksikan kejayaan Alumni Fakulti Undang-Undang UM dalam badan kehakiman, sektor perundangan, pentadbiran negara, politik tanah air, badan korporat, pendidikan negara, institusi antarabangsa dan lain-lain," katanya.

Yang turut hadir, Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat; Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad dan Presiden PARFUM, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, tiga institusi penting menjadi tiang seri kepada sistem demokrasi negara dipimpin Alumni Fakulti Undang-Undang UM dengan Badan Eksekutif dipimpin beliau sebagai Perdana Menteri.

Selain itu, katanya, Badan Kehakiman diketuai Tengku Maimun sebagai Ketua Hakim Negara, manakala Badan Legislatif diterajui Tan Sri Azhar Azizan Harun, sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat dengan kedua-duanya adalah produk Fakulti Undang-Undang UM.

Beliau berkata, badan perundangan pula diterajui oleh Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun yang juga produk Fakulti Undang-Undang UM.

"Ini adalah pencapaian dan sejarah bagi Fakulti Undang-Undang UM dalam menyumbang kepada pembangunan negara."

"Saya berharap kejayaan Fakulti Undang-Undang UM melahirkan ramai profesional yang hebat dan ternama tidak hanya ternoktah di sini, sebaliknya terus cemerlang untuk melakar sejarah dalam dan luar negara," katanya yang juga Ahli Parlimen Bera.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tiga kanan) ketika hadir pada majlis pelancaran Perayaan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. - NSTP/Aswadi Alias